

Masalah Semantik dalam terjemahan *Majāz Mursal* al-Quran: analisis terhadap hubungan *Musabbab*

[Semantic problem in the translation of Quranic synecdoche: analysis on the relationship of effect]

Nasimah Abdullah*, Saifulah Samsudin & Nor Fatihah Suliman

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Nasimah Abdullah. Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor. e-Mail: nasimah@kuis.edu.my. Telp.: 012-9837495, ORCID iD: 0000-0003-1896-103X.

Keywords:

Majāz Mursal, Quran Translation, Relationship of Effect, Source Text, Target Text.

ABSTRACT

There are different types of figurative elements in the Quran and the Arab linguistic field experts named it as majāzi. Majāz Mursal is one of the figurative elements that refers to the way words are used, where the meaning differs from the actual meaning and has an arbitrary relationship with the observable or uttered circumstantial indicator (qarīnah) in the verses. The connection between the original meaning to the intended meaning does not rely on similarity but on the semantic relationships. This means that majāz mursal experiences semantic changes that need to be interpreted so that the true meaning can be conveyed accurately into the target language. This writing aims to analyze the translation of the Quranic verses to the Malay language, which contains the majāz mursal style of language, to see the equivalence between the actual meaning found in the Quran message with the target text. This study focuses only on the relationship of effects or consequences (musabbab). This study is library research and it is qualitative nature for adopting content analysis methods in analyzing the translation of majāz mursal style. Two translation texts of the Quran by Mahmud Yunus and Abdullah Basmeih were used as corpus studies to look at the approaches used by both texts. Nine verses of the Quran containing the majāz mursal from the musabbab relationship were chosen to be analyzed. To measure the accuracy and compatibility of resource language messages with the target language, interpretation of the books of tafsir and the popular books of the 'ulūm al-Qur'ān are referred to, such as al-Kashshāf by al-Zamakhsharī, al-Burhān by al-Zarkashī, Tafsīr al-Ṭabarī by al-Ṭabarī, al-Tahrīr wa al-Tanwīr by Ibn 'Āshūr, al-Itqān by al-Suyūṭī dan al-Tafsīr al-Munīr by Wahbah al-Zuhailī. This study found that there is a translation that does not meet the actual meaning of the Quran message due to the literal approach. Hence, other translation strategies need to be applied so that the actual meaning of the Quran message can be passed on to the target reader. However, sometimes majāz mursal can be translated literally if there is no confusion in the original meaning of the Quran message.

Kata Kunci:

Majāz Mursal, Terjemahan al-Quran, Hubungan *Musabbab*, Teks Sumber, Teks Sasaran.

ABSTRAK

Terdapat pelbagai jenis unsur figuratif dalam al-Quran dan pakar bidang linguistik Arab menamakannya *majāzī*. *Majāz Mursal* merupakan salah satu daripada unsur figuratif yang merujuk kepada kaedah penggunaan perkataan yang maknanya berlainan daripada makna sebenar dan mempunyai hubungan tidak setara dengan kata iringan (*qarīnah*) yang dapat dilihat atau disebut di dalam ayat. Hubungan antara maksud asal dengan maksud dikehendaki bukan berunsurkan penyerupaan, tetapi mengandungi hubungan kemaknaan. Ini bermakna *majāz mursal* mengalami perubahan semantik yang perlu ditafsirkan dengan jelas agar maksud sebenarnya dapat disampaikan dengan tepat ke dalam bahasa sasaran. Penulisan ini bertujuan menganalisis terjemahan ayat al-Quran yang mengandungi *majāz mursal* ke bahasa Melayu untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran. Kajian ini hanya tertumpu kepada hubungan kesan atau akibat (*musabbab*). Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan bersifat kualitatif kerana mengguna pakai kaedah analisis kandungan dalam menganalisis terjemahan gayabahasa *majāz mursal*. Dua teks terjemahan al-Quran oleh Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih dijadikan korpus kajian untuk melihat pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua teks tersebut. Sembilan ayat al-Quran yang mengandungi *majāz mursal* daripada kategori hubungan *musabbab* dipilih untuk dianalisa. Untuk mengukur ketepatan dan kesepadanan mesej bahasa sumber dengan bahasa sasaran, pentafsiran kitab-kitab tafsir dan kitab ulum al-Quran yang muktabar dirujuk seperti *al-Kashshāf* karya al-Zamakhsharī, *al-Burhān* karya al-Zarkashī, *Tafsīr al-Ṭabarī* karya al-Ṭabarī, *al-Tahrīr wa al-Tanwīr* karya Ibn ‘Āshūr, *al-Itqān* karya al-Suyūṭī dan *al-Tafsīr al-Munīr* karya Wahbah al-Zuhailī. Kajian ini mendapati wujudnya terjemahan yang tidak menepati kehendak makna sebenar mesej al-Quran ekoran penggunaan pendekatan secara literal. Justeru, strategi terjemahan lain perlu diguna pakai agar makna sebenar mesej al-Quran dapat disampaikan kepada pembaca sasaran. Walau bagaimanapun, adakalanya *majāz mursal* boleh diterjemahkan secara literal jika sekiranya tiada kekeliruan pada maksud asal mesej al-Quran.

Received: November 19, 2020

Accepted: May 24, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Manusia menggunakan bahasa sebagai wahana komunikasi dan bahasa juga merupakan perantara untuk menyampaikan maklumat dalam kalangan manusia (al-Khafājī, 1982: 72). Begitu juga manusia menggunakan bahasa untuk mengungkapkan suatu tujuan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahasa merupakan alat yang menghubungkan seorang individu dengan individu yang lain bagi sesuatu bangsa, dan sudah pasti setiap bangsa mempunyai bahasa mereka yang tersendiri. Oleh itu, bahasa mestilah difahami kerana bahasa yang tidak difahami itu hanya sekadar bunyi bagi pendengarnya (Ibn Jinnī, 2001/1: 33). Menurut Ibn al-Hājib yang dinukilkan daripada al-Suyūṭī (1986: 7), bahawa setiap bahasa mempunyai makna, dan bahasa merupakan alat yang digunakan untuk menzahirkan makna tersebut. Daripada definisi tersebut jelas menunjukkan bahawa penterjemahan amat penting agar maklumat daripada suatu bahasa dapat disampaikan ke suatu bahasa yang lain dengan tepat. Hal ini sangat relevan dengan fungsi terjemahan al-Quran iaitu sebagai wadah untuk memahami bahasa al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab. Terjemahan al-Quran dibaca oleh pelbagai bangsa bukan Arab termasuk orang Melayu. Maka, ayat-ayat suci al-Quran perlu diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan

sebaiknya agar difahami dan maklumat yang terkandung di dalam al-Quran dapat disampaikan kepada pembaca (Abdullah, 2015b: 21).

Namun, setiap bangsa mempunyai unsur bahasa yang berbeza dari segi morfologi dan sintaksisnya, bahkan juga unsur semantik dan retoriknya. Dalam proses terjemahan, perbezaan unsur-unsur tersebut menjadi cabaran yang perlu ditangani oleh penterjemah dengan penggunaan strategi, kaedah atau pendekatan yang sesuai untuk mencapai kesepadanan makna terhampir. Oleh itu, penterjemah bukan sahaja perlu memahami masalah morfologi dan sintaksis semasa memindahkan makna daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran, bahkan juga perlu peka dengan masalah semantik dan retorik kedua-dua bahasa sumber dan sasaran. Ini selaras dengan konsep kerelatifan linguistik yang mengagakkan bahawa makna dalam bahasa sasaran tidak dapat dipindahkan oleh penterjemah semuanya ekoran perkataan dalam satu bahasa tidak mungkin dapat digantikan dengan item leksikal dalam bahasa lain sepenuhnya (House, 2013: 39-40).

Keadaan ini menyebabkan penterjemah akan mengalami kesulitan semasa pentafsiran makna lebih-lebih lagi berkaitan dengan budaya seperti isyarat, metafora, informasi implisit, humor dan ungkapan yang ada elemen kebudayaan (Silzer, 1990: 28). Ini juga sejajar dengan apa yang dinyatakan oleh Larson (1989) bahawa konsep dalam bahasa sumber adakalanya tidak mempunyai padanan leksikal dalam bahasa sasaran disebabkan perbezaan geografi, adat istiadat, kepercayaan, wawasan dan lain-lain. Ironinya, penterjemah perlu memahami semua unsur teks sumber sama ada yang bersifat linguistik atau bukan linguistik sebelum menterjemahkannya ke dalam teks sasaran.

Apabila membincangkan terjemahan al-Quran ke bahasa lain, sewajarnya dijelaskan terlebih dahulu bahawa al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang mempunyai ciri-ciri bahasa yang unik selain mengandungi unsur retorik yang tinggi yang berbeza daripada wacana atau teks yang lain dari aspek penulisan, bicara dan olahannya (al-Rūmī, 2000). Antara unsur retorik tersebut adalah ungkapan figuratif seperti *isti'ārah*, *kināyah* dan *majāz mursal* yang dikenali dalam perbincangan ilmu retorik bahasa Arab sebagai *majāzī*. Ungkapan figuratif ialah ungkapan yang tidak diketahui maksudnya daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya. Figuratif menunjukkan makna perkataan, rangkai kata, dan sebagainya yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya, atau bersifat kiasan atau lambang (Anon, 2015a). Oleh itu, ungkapan figuratif yang terdapat dalam al-Quran tidak boleh sama sekali diterjemahkan dengan sekadar melihat kepada peringkat semantik perkataan atau ayat yang terasing daripada faktor konteks penggunaan.

Dari segi terminologi, semantik adalah salah satu subbidang dalam ilmu linguistik yang khusus mengkaji makna dalam bahasa. Ruang lingkup kajian semantik adalah melibatkan peringkat perkataan dan ayat, serta terpisah daripada konteks penggunaan (Norsimah, 2014: 75). Selain itu, semantik juga melihat makna literal perkataan dan gabungannya yang boleh menghasilkan makna asas (Griffiths, 2007; Kearns, 2000). Manakala, ilmu terjemahan pula melihat pengkajian makna dalam kondisi yang melangkaui bahasa berbeza. Oleh itu, kedua-dua ilmu ini saling berkait antara satu sama lain.

Sarjana bidang ilmu semantik dan pengajian terjemahan moden mengklasifikasikan ungkapan figuratif sebagai salah satu unsur perubahan semantik (*semantic change*) yang berlaku melalui kaedah perpindahan makna (الانتقال الدلالي) (Anīs, 1991: 160; 'Umar, 1998: 247). Oleh itu, fenomena perpindahan makna yang berlaku pada *majāz mursal* perlu ditafsirkan dengan jelas tanpa pergantungan kepada makna pada peringkat semantik semata-mata agar maksud sebenarnya dapat disampaikan dengan tepat ke dalam bahasa sasaran. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji masalah semantik dalam terjemahan *majāz mursal* al-Quran ke bahasa Melayu dari kategori hubungan *musabbab* untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran. Masalah semantik yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada makna perkataan atau frasa atau ayat yang mengandungi *majāz mursal* yang tidak boleh dipindahkan secara literal daripada teks sumber ke dalam teks sasaran ekoran berlakunya fenomena perpindahan makna.

2. Tinjauan Persuratan

Penulis membahagikan perbincangan tentang tinjauan persuratan kepada dua (2) bahagian, iaitu: i) *majāz mursal* sebagai satu unsur perubahan semantik, dan ii) isu dalam terjemahan *majāz mursal* al-Quran.

2.1 *Majāz Mursal* Sebagai Satu Unsur Perubahan Semantik

Sarjana bidang ilmu retorik bahasa Arab membincangkan topik *majāz mursal* dalam cabang ilmu *al-Bayān*, iaitu dalam kategori *majāz lughawī*, sedangkan sarjana bidang ilmu semantik dan pengajian terjemahan moden

menyentuh topik tersebut dalam dimensi yang lain, iaitu perubahan semantik (*semantic change*) (Abdullah, 2015a: 56). Perbezaan cakupan dimensi tersebut bertitik tolak dari kelainan perspektif perbincangan antara dua bidang ilmu yang tidak sama. Walau bagaimanapun, kedua-dua bidang ilmu tersebut sebenarnya memberi perhatian terhadap isu interpretasi dan pengkajian makna (Lusyān, 2007: 15).

Perubahan semantik merujuk kepada perubahan makna sesuatu perkataan dari masa ke semasa disebabkan faktor pertambahan, kepupusan, peluasan dan penyempitan makna serta kiasan dan lain-lain (al-Khūlī, 1991: 25). Salah satu masalah yang kerap dihadapi dalam proses pemindahan makna dari bahasa sumber ke bahasa sasaran adalah peluasan makna yang bersifat figuratif kerana dalam banyak keadaan makna figuratif lari jauh daripada makna asalnya (Ainon & Abdullah, 2006: 148). Oleh yang demikian, makna figuratif yang terkandung dalam *majāz mursal* tidak dapat ditafsirkan mengikut struktur ayat yang mana perkataan-perkataan itu digunakan.

Dalam pengkajian ilmu semantik, perubahan semantik terbahagi kepada dua (2); iaitu perubahan yang melibatkan ujaran (التوليد اللفظي) dan perubahan yang melibatkan makna (التوليد المعنوي) (Haidar, 1999: 70).

Antara bentuk perubahan yang melibatkan makna ialah perpindahan makna (الانتقال الدلالي). Perpindahan makna bermaksud peralihan makna asal perkataan kepada makna baharu yang lain sama sekali dan antara kedua-dua makna tersebut wujudnya hubungan (Ibrāhīm, 2004: 220). *Majāz mursal* terbentuk melalui kaedah perpindahan makna (Anīs, 1991: 160; ‘Umar, 1998: 247). Justeru, *majāz mursal* tidak boleh diterjemahkan ke bahasa lain secara literal kerana telah berlaku peralihan makna asal kepada makna baharu yang perlu diinterpretasi berdasarkan konteks penggunaan.

Majāz mursal ialah salah satu bahagian *al-majāz* yang digunakan oleh orang Arab untuk mengindahkan makna sesuatu perkataan serta menjadikan wacana lebih menarik (Anon, 2015b). *Majāz mursal* ditakrifkan sebagai kaedah penggunaan perkataan yang maknanya berlainan daripada makna sebenar dan mempunyai hubungan tidak setara dengan kata iringan (*qarīnah*) yang dapat dilihat atau disebut di dalam ayat, dan antara hubungan tersebut adalah seperti hubungan sebab, hubungan *musabbab*, hubungan separa, hubungan berkaitan dengan perkara yang telah berlaku, hubungan berkaitan dengan perkara yang belum berlaku, hubungan tempat, keadaan dan lain-lain (Bakri, 2001). Oleh kerana *majāz mursal* berkait dengan hubungan yang wujud antara makna asal dengan makna baharu yang disusuli dengan keberadaan kata iringan sama ada disebut dalam ayat atau secara kemaknaan, maka *majāz mursal* dikategorikan di bawah unsur perpindahan makna.

Hubungan *musabbab* yang menjadi fokus dalam kajian ini secara literalnya bermaksud hubungan kesan atau akibat dan hubungan tersebut merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut kesan atau akibat daripada sesuatu perkara, sedangkan yang dimaksudkan adalah sebab atau punca kepada perkara tersebut (al-Zarkashī, 2001/2: 272; al-Qazwīnī, t.th.: 156). Melalui pemerhatian penulis, kebiasaannya masyarakat Melayu ada menyebut ungkapan “Allah SWT menurunkan rezeki dari langit”. Secara logik, adalah mustahil rezeki turun dari langit secara hakiki. Oleh yang demikian, ungkapan tersebut perlu diinterpretasikan dengan maknanya yang bukan hakiki, bahkan secara kiasan iaitu pada asalnya yang turun dari langit adalah air hujan, yang akan menatijahkan rezeki kepada manusia kemudiannya. Perkataan “rezeki” dalam ungkapan tadi adalah hasil daripada penurunan hujan dari langit. Penulis memerhatikan banyak lagi contoh penggunaan ungkapan yang digunakan dalam bahasa Melayu yang boleh dikaitkan dengan hubungan *musabbab* yang ada dalam *majāz mursal* masyarakat Arab. Antaranya ungkapan “tutup lampu”. Adakah yang kita tutup itu sebenarnya lampu? Sudah pasti bukan lampu, tetapi yang ditutup adalah suis lampu. Oleh yang demikian, ungkapan “tutup lampu” perlu diinterpretasikan secara kiasan iaitu menyebut lampu tetapi yang dimaksudkan adalah suis lampu kerana penutupan suis lampu akan mengakibatkan terpadamnya lampu.

2.2 Isu Dalam Terjemahan *Majāz Mursal al-Quran*

Setiap bahasa itu mempunyai aturan dan keunikan tersendiri. Inilah yang membuahkan perbezaan antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu yang tergolong dalam rumpun bahasa yang berbeza. Berdasarkan pengkajian linguistik Barat, bahasa Arab adalah daripada bahasa *Samiyyah* (*semitic*) (Abd Rauf, 2004; Che Radiah, 2001: 70) dan bahasa Melayu pula tergolong dalam cabang nusantara dalam keluarga Austronesia (Nik Safiah, Farid, Hashim & Abdul Hamid, 2015: 3). Kedua-dua bahasa ini juga berbeza dari segi geografi, aspek budaya dan peraturan penggunaan bahasa (Ainon & Abdullah, 2008). Kesemua unsur perbezaan tersebut menjadi cabaran yang perlu ditangani oleh penterjemah.

Menurut Catford (1965), penterjemahan adalah penggantian kandungan teks dalam suatu bahasa (bahasa sumber) dengan padanan kandungan teks daripada suatu bahasa lain (bahasa sasaran), manakala Nida

(1964) pula menganggap penterjemahan sebagai satu proses menghasilkan semula padanan yang paling hampir dengan mesej bahasa sumber ke bahasa sasaran, sama ada dari segi makna ataupun gaya. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa satu daripada masalah utama dalam penterjemahan ialah mencari padanan kata yang sejadi dan sepadan. Nida (1975) menyebut bahawa masalah terjemahan yang sebenar adalah masalah kesepadanan. Oleh itu, Nida (1964) telah mengemukakan kemungkinan empat (4) jenis padanan dalam penterjemahan iaitu i) satu lawan satu, ii) satu lawan banyak, iii) banyak lawan satu dan iv) satu lawan tiada. Jenis (i) tiada masalah kesepadanan makna dalam terjemahan kerana hanya ada satu pilihan padanan perkataan seperti (سمااء) bermakna (langit). Tetapi jenis (ii) dan (iii) menghadapi masalah kesepadanan makna dalam terjemahan kerana mempunyai pelbagai padanan makna seperti (الأرز) boleh membawa makna (padi), (beras) atau (nasi), serta (pekan), (bandar) dan (bandaraya) bermakna (مدينة). Begitu juga jenis (iv) yang juga menghadapi masalah kesepadanan makna dalam terjemahan ekoran ketiadaan padanan yang menyebabkan kita perlu membuat pentafsiran makna.

Kajian ini memberi fokus kepada masalah padanan makna semantik dalam menterjemahkan *majāz mursal* al-Quran. *Majāz mursal* selaku salah satu daripada unsur ungkapan figuratif adakalanya terhasil daripada suasana sekeliling yang mungkin melibatkan elemen geologi dan latar belakang budaya. Malah adakalanya ungkapan figuratif ditentukan oleh pengalaman dan topologi kognitif penutur bahasa tersebut. Yang dimaksudkan dengan topologi kognitif adalah struktur skema imej penutur (Amirah & Rozaimah, 2011). Oleh kerana ungkapan figuratif mempunyai ungkapan yang maknanya tidak boleh difahami daripada makna perkataan itu sendiri, maka penterjemah perlu memahami beberapa perkara dalam terjemahan sebelum memindahkan makna daripada satu bahasa ke bahasa lain, seperti budaya bahasa sumber dan konteks makna. Kegagalan memahami budaya teks sumber dan konteks ujaran akan menyebabkan makna sebenar tidak dapat dipindahkan kepada budaya sasaran.

Untuk mencapai komunikasi efektif tentang budaya, tugas penterjemahan adalah penting sebagai medium pertukaran maklumat budaya (Cho & Puteri Roslina, 2016). Penterjemah harus bijak memilih strategi terjemahan yang dapat menyampaikan maklumat budaya bahasa sumber kepada pembaca bahasa sasaran dengan berkesan. Dengan sebab itu, Larson (1989: 3) menghubungkaitkan terjemahan dengan budaya apabila mendefinisikan terjemahan sebagai “mempelajari leksikon, struktur gramatikal, situasi komunikasi dan konteks budaya daripada teks bahasa sumber”.

Selain daripada budaya, penterjemah juga perlu mengenalpasti struktur konteks sebelum menetapkan makna untuk mengelakkan masalah ketaksaan dalam memahami ayat al-Quran. Perkara ini berlaku sedemikian kerana struktur al-Quran mengutarakan maksud kontekstual yang mempunyai makna semantik yang berbeza bergantung pada konteks ayat. Pemerhatian pada konteks perlu diberi penekanan dan dianalisis sebaik-baiknya dalam pengintepretasian ujaran supaya makna sebenar ayat al-Quran yang diperoleh benar-benar tepat dalam menjana pemahaman dan kefahaman (Muhammad Luqman, Muhammad Zaidi, Mohd Solah & Nabihah, 2015).

Pelbagai pendekatan dan strategi diperkenal dan digunapakai oleh sarjana terjemahan untuk memastikan kandungan teks sumber dapat dipindahkan dengan tepat dan jelas serta difahami oleh pembaca bahasa sasaran. Terdapat pendekatan yang berorientasikan teks sumber dan mementingkan pengkalan semula bentuk teks sumber kepada teks sasaran seperti terjemahan literal, terjemahan semantik oleh Newmark (1981) dan teori kesamaan formal oleh Nida dan Taber (1982). Ada juga yang mengutamakan penyampaian semula makna teks sumber dalam teks sasaran iaitu yang berorientasikan teks sasaran seperti terjemahan idiomatik, komunikatif oleh Newmark (1988) dan dinamik.

Terdapat juga beberapa kajian lepas yang mengaplikasi prosedur yang dikemukakan oleh Mildred Larson (1984) seperti kajian oleh Abdullah (2015a: 290) yang telah membuktikan dalam dapatan beliau bahawa lima (5) prosedur Larson terhasil dalam kaedah terjemahan para penterjemah *al-Quran* ke bahasa Melayu semasa menterjemahkan unsur figuratif. Antara prosedur yang jarang digunakan adalah menukar ungkapan figuratif kepada perumpamaan dalam bahasa sasaran. Selain itu, terdapat juga pengaplikasian strategi eksplisitasi yang diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995) sebagai usaha agar pembaca bahasa sasaran memahami dengan jelas maksud teks asal. Malah hasil kajian daripada Abdullah, Samsudin dan Suliman (2020) menunjukkan bahawa terjemahan *majāz mursal* al-Quran menggunakan pelbagai bentuk eksplisitasi untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran terhadap makna al-Quran iaitu bentuk pengkhususan, penambahan maklumat, maklumat tambahan dalam kurungan dan nota kaki. Penggunaan strategi

eksplisitasi dalam terjemahan teks keagamaan bukanlah satu perkara baharu, malah telah digunakan oleh penterjemah al-Quran ke bahasa Melayu seperti Abdullah Basmeih, Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan dalam menterjemahkan ayat-ayat mutashabihat dengan pelbagai bentuk eksplisitasi untuk menzahirkan makna implisit yang terkandung di dalam teks al-Quran (Abdullah, Abd. Rahman & Usman, 2019).

Sebenarnya, pemindahan bentuk tanpa memfokuskan makna seperti pendekatan secara literal adakalanya mengundang ketidaktepatan dan kekaburan dalam memahami maksud teks asal terutamanya apabila melibatkan terjemahan teks sumber yang mengandungi unsur budaya dan linguistik berbeza dengan teks sasaran. Oleh itu, bukan semua *majāz mursal* boleh diterjemahkan secara literal disebabkan wujudnya perbezaan unsur semantik, budaya dan konteks antara bahasa yang boleh menentukan tahap kebolehterjemahannya secara literal atau sebaliknya. Ini selaras dengan kajian oleh Abdullah (2019) yang menyatakan bahawa penterjemah tidak dapat menyampaikan maksud yang dikehendaki secara tepat kerana terlalu bergantung kepada cara terjemahan literal yang menyebabkan kehilangan makna *majāz mursal* dalam terjemahan. *Majāz mursal* boleh diterjemahkan secara literal jika tiada kekeliruan pada maksud asal mesej al-Quran. Jika terdapat makna yang tidak jelas, maka penterjemah perlu mengambil pendekatan lain untuk menyampaikan mesej al-Quran.

Dalam waktu yang sama, tidak dinafikan juga bahawa kaedah terjemahan selain terjemahan literal boleh menyebabkan hilangnya sifat dan ciri utama yang ada pada *majāz mursal* al-Quran. Walau bagaimanapun, jika semata-mata bergantung pada terjemahan secara literal, mesej sebenar yang terdapat dalam *majāz mursal* al-Quran tidak dapat disampaikan dengan tepat. Ironinya, ungkapan figuratif memerlukan pembaca mendapatkan kefahaman menjangkau maksud literal teks.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian perpustakaan dan berbentuk kualitatif dalam mengumpulkan dan menganalisis data. Bentuk analisis yang digunakan pula ialah analisis kontrastif, analisis kandungan dan analisis deskriptif. Bentuk analisis adalah bersifat kontrastif kerana perbandingan dibuat antara dua bahasa yang berlainan rumpun (Yāqut, 2010) dan istilah yang digunakan dalam analisis kontrastif adalah bahasa sumber iaitu bahasa Arab dan bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu.

Analisis kandungan teks juga terlibat dalam proses analisis data untuk kajian ini. Analisis kandungan merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengamati, membuat kesimpulan dan menilai sesuatu bahan yang diterima (Syed Arabi, 2002: 105-106). Analisis kandungan bagi kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada membandingkan antara “Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani” yang diterjemahkan oleh Mahmud Yunus (2008) dengan “Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran” yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih (2010). Kajian ini akan meneliti kedua-dua teks terjemahan tersebut dengan memfokuskan *majāz mursal* dalam al-Quran daripada jenis hubungan *musabbab*.

Analisis deskriptif juga digunakan dalam kajian ini untuk memberikan gambaran sejelas-jelasnya tentang bagaimana unsur *majāz mursal* al-Quran diterjemahkan ke bahasa Melayu secara literal yang menyebabkan wujudnya terjemahan yang tidak menepati kehendak makna sebenar mesej al-Quran. Ini bertepatan dengan definisi yang diberikan oleh Syed Arabi (2002: 4) bahawa analisis deskriptif adalah situasi di mana penulis cuba memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada.

Untuk tujuan analisis, penulis telah memilih data korpus secara persampelan berasaskan tujuan. Kaedah persampelan ini bermaksud pemilihan sampel kajian berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik yang sesuai dengan objektif kajian (Long, 2016: 86). Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya memilih sembilan (9) ayat al-Quran yang mengandungi *majāz mursal* daripada kategori hubungan *musabbab* berdasarkan pentafsiran kitab tafsir dan ‘*ulūm al-Qur’ān* yang muktabar. Data korpus ialah ayat 174 dan 221 daripada surah *al-Baqarah*, ayat 10 surah *al-Nisā*, ayat 6 surah *al-Mā’idah*, ayat 26 surah *al-A’raf*, ayat 98 surah *al-Nahl*, ayat 41 surah *al-Qaṣaṣ* dan ayat 13 serta 41 surah *Ghāfir*.

Manakala, dari segi pengukuran ketepatan dalam memindahkan mesej bahasa sumber kepada bahasa sasaran, kajian ini berpegang kepada pentafsiran kitab tafsir dan kitab ‘*ulūm al-Qur’ān* yang muktabar seperti *al-Kashshāf* karya al-Zamakhsharī, *al-Burhān* karya al-Zarkashī, *al-Tafsīr al-Ṭabarī* karya al-Ṭabarī, *al-Tahrīr wa al-Tanwīr* karya Ibn ‘Ashūr, *al-Itqān* karya al-Suyūfī dan *al-Tafsīr al-Munīr* karya Wahbah al-Zuhailī.

4. Dapatan kajian

Untuk menelusuri terjemahan gaya bahasa *majāz mursal* dalam al-Quran, perbandingan dilakukan antara dua (2) terjemahan al-Quran iaitu yang diterjemahkan oleh Mahmud Yunus (2008) dan Abdullah Basmeih (2010).

Perbandingan adalah untuk melihat pendekatan penterjemah menyampaikan maksud ayat tersebut. Data bahasa sumber yang mengandungi *majāz mursal* sama ada perkataan, frasa atau ayat akan ditanda dengan garisan di bawah.

Dikemukakan di sini sembilan (9) contoh terjemahan ayat al-Quran yang mempunyai hubungan *musabbab*. Kedua-dua penterjemah mengguna pakai kaedah terjemahan secara literal untuk lima (5) ayat iaitu contoh 1, 3, 4, 5 dan 8. Kedua-dua penterjemah juga mengguna pakai kaedah eksplisitasi untuk dua (2) ayat iaitu contoh 7 dan 9. Manakala, baki lagi dua (2) ayat al-Quran iaitu contoh 2 dan 6, penterjemah mengambil pendekatan terjemahan yang berbeza.

4.1 Surah al-Baqarah (2), Ayat 174

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَشْتَرُونَ بِهِءَ تَمَنَّا قَلِيلًا أَوْلِيكَ مَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ إِلَّا
النَّارَ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٤﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang diturunkan oleh Allah, dari Kitab dan menjualnya dengan harga yang sedikit, maka tiadalah yang mereka makan masuk perut mereka, melainkan api neraka dan Allah tidak bercakap-cakap dengan mereka pada hari kiamat dan tidak pula membersihkannya; ...

Terjemahan Abdullah Basmeih:

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan Kitab Suci yang telah diturunkan oleh Allah, dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka, dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan Ia tidak membersihkan mereka (dari dosa), ...

Perkataan (النار) dalam ungkapan (أولئك ما يأكلون في بطونهم إلا النار) merupakan *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab*, iaitu menyebut kesan (النار), sedangkan yang dimaksudkan adalah punca yang boleh membawa ke neraka (al-Ṭabarī, 2005/1: 841; al-Zarkashī, 2001/2: 277). Hal ini adalah kerana perbuatan memakan harta yang haram akibatnya nanti boleh menyebabkan mereka terhumban ke neraka (al-Zamakhshari, 1995: 1: 215).

Mahmud Yunus (2008) menterjemahkan ungkapan *majāz mursal* tersebut dengan “maka tiadalah yang mereka makan masuk perut mereka, melainkan api neraka” dan Abdullah Basmeih (2010) pula dengan “mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka”. Kedua-dua mereka menggunakan pendekatan terjemahan secara literal untuk menterjemahkan perkataan (النار) iaitu “api neraka”. Pendekatan ini menunjukkan bahawa mereka menginterpretasikan makna (النار) setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik bahasa sasaran tanpa membuat penyesuaian mesej teks sumber yang membawa maksud sebab yang boleh membawa ke neraka. Penterjemahan secara literal ini telah menyebabkan maksud sebenar ungkapan *majāz mursal* tidak dapat disampaikan dengan jelas.

Untuk mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar seperti al-Ṭabarī (2005) dan al-Zamakhsharī (1995), penterjemah boleh menggunakan strategi eksplisitasi melalui maklumat tambahan dengan bentuk nota kaki seperti berikut:

“Sesungguhnya orang yang menyembunyikan apa yang telah diturunkan Allah, iaitu (al-Quran) dan menjualnya dengan harga yang (murah), mereka itu sebenarnya tidak memakan ke dalam perut mereka melainkan api neraka (1) dan Allah tidak akan berbicara kepada mereka pada hari kiamat dan tidak akan menyucikan mereka dan bagi mereka seksa yang amat pedih.”

(1) Apa yang dimaksudkan dengan memakan api neraka adalah punca yang boleh menyebabkan mereka terhumban ke dalam neraka.

4.2 Surah al-Qasas (28), Ayat 41

وَجَعَلْنَاهُمْ أَيْمَةً يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يُنصَرُونَ ﴿٤١﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Dan Kami jadikan mereka (yang zalim itu) sebagai ikutan (kepala syirik), mereka menyeru (orang) ke dalam neraka. Pada hari kiamat mereka tidak mendapat pertolongan.

Terjemahan Abdullah Basmeih:

Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua (dalam kesesatan) yang mengajak ke neraka (dengan kekufurannya), dan pada hari kiamat pula mereka tidak mendapat sebarang pertolongan.

Perkataan (النار) dalam ungkapan (وجعلناهم أئمة يدعون إلى النار) sama seperti contoh 1 sebelum ini. Ia merupakan *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab*, iaitu menyebut akibat (النار) sedangkan yang dimaksudkan adalah sebab yang boleh membawa ke neraka. Kata ganti nama (هم) dalam ayat tersebut merujuk kepada Firaun dan tenteranya yang mana kekufuran mereka kepada Allah SWT sebenarnya nanti boleh mengakibatkan mereka terhumban ke neraka (al-Zamakhsharī, 1995/3: 416).
 Dua teks terjemahan ini mengguna pakai pendekatan terjemahan yang berbeza. Mahmud Yunus (2008) menterjemahkan *majāz mursal* tersebut dengan pendekatan terjemahan secara literal iaitu dengan “mereka menyeru (orang) ke dalam neraka.” Kelihatannya di sini Mahmud Yunus menginterpretasikan makna (النار) secara literal semata-mata iaitu “neraka” yang telah menyebabkan maksud sebenar ungkapan *majāz mursal* tidak dapat disampaikan dengan jelas iaitu sebab yang boleh membawa ke neraka.
 Manakala Abdullah Basmeih (2010) pula tidak menggunakan kaedah secara literal semata-mata, bahkan diikuti dengan strategi eksplisitasi menggunakan maklumat tambahan dalam bentuk kurungan iaitu dengan “yang mengajak ke neraka (dengan kekufurannya).”. Sudah pasti pendekatan sebegini lebih jelas berbanding terjemahan Mahmud Yunus kerana Abdullah Basmeih menzahirkan makna *majāz mursal* yang tersirat iaitu “dengan kekufurannya”. Strategi eksplisitasi ini lebih mampu menjelaskan makna tersirat iaitu kekufuran Firaun dan para pengikutnya menjadi punca mereka terhumban ke neraka.

4.3 Surah al-Baqarah (2), Ayat 221

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ ۚ وَلَآئِمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ ۗ وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ ۚ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ ۗ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ ۗ وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى الْجَنَّةِ ۗ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ ۗ وَيُبَيِّنُ ۗ ءَايَاتِهِ ۗ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Dan janganlah kamu kahwini perempuan-perempuan musyrik, kecuali jika mereka beriman. Sesungguhnya hamba sahaya yang beriman, lebih baik dari perempuan yang musyrik, meskipun dia menakjubkan kamu dan janganlah kamu kahwinkan (perempuan muslim) dengan lelaki musyrik, kecuali jika mereka beriman. Sesungguhnya hamba lelaki yang beriman, lebih baik dari lelaki yang musyrik, meskipun dia menakjubkan kamu. Mereka mengajak ke arah neraka dan Allah menyeru

kepada syurga dan kepada ampunan dengan izinNya...

Terjemahan Abdullah Basmeih:

Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam); dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam). Dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (Yang demikian ialah kerana) orang-orang kafir itu mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke Syurga dan memberi keampunan dengan izinNya...

Dua perkataan yang terdapat dalam ungkapan (أولئك يدعون إلى النار والله يدعو إلى الجنة) iaitu (النار) dan (الجنة)

merupakan *majāz mursal* daripada hubungan *musabbab*, iaitu menyebut kesan (النار) dan (الجنة) sedangkan yang dimaksudkan adalah sebab yang boleh membawa ke neraka dan ke syurga (Ibn ‘Ashūr, t.th./2: 363). Berhubung dengan ayat ini, al-Zamakhsharī (1995/1: 264) menjelaskan bahawa perkahwinan dengan orang musyrik boleh menjadi punca yang membawa kepada neraka, dan perkahwinan dengan orang mukmin menjadi sebab ke syurga.

Mahmud Yunus (2008) menterjemahkan *majāz mursal* tersebut dengan “Mereka mengajak ke arah neraka dan Allah menyeru kepada syurga” dan Abdullah Basmeih (2010) pula dengan “orang-orang kafir itu mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke Syurga”. Kedua-dua mereka menggunakan pendekatan terjemahan secara literal untuk menterjemahkan perkataan (النار) iaitu “neraka” dan (الجنة) iaitu “syurga”. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua penterjemah menginterpretasikan makna dua perkataan tersebut dengan mengekalkan bentuk teks sumber tanpa membuat penyesuaian mesej teks sumber yang membawa maksud sebab yang boleh membawa ke neraka dan ke syurga. Penterjemahan secara literal telah menyebabkan berlaku kehilangan makna sebenar ungkapan *majāz mursal* dan tidak mungkin difahami oleh pembaca sasaran.

Untuk mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh para pentafsir al-Quran yang muktabar seperti Ibn ‘Ashūr dan al-Zamakhsharī, penterjemah boleh mengaplikasikan strategi eksplisitasi melalui penggunaan maklumat tambahan dengan bentuk kurungan seperti berikut:

“Orang kafir itu mengajak mereka (kepada sebab-sebab yang boleh membawa) ke neraka, sedangkan Allah menyeru mereka (kepada sebab-sebab yang boleh membawa) ke syurga dan kepada ampunan dengan izinNya”.

4.4 Surah al-Nisā’ (4), Ayat 10

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim dengan zalim, sebenarnya memakan api masuk perutnya dan nanti mereka akan dimasukkan ke dalam neraka.

Terjemahan Abdullah Basmeih:

Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.

Ungkapan (إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا) merupakan ungkapan figuratif kerana secara logiknya adalah mustahil manusia boleh memakan api. Ungkapan tersebut cuba menggambarkan bahawa orang yang mengambil harta anak yatim secara tidak betul akibatnya nanti akan dimasukkan ke dalam api neraka kerana mereka memakan harta haram. Ungkapan tersebut merupakan *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab*, iaitu menyebut akibat (نَارًا) sedangkan yang dimaksudkan adalah punca yang boleh membawa ke neraka (al-Zarkashī, 2001/2: 277; al-Zamakhsharī, 1995/1: 469).

Mahmud Yunus (2008) menterjemahkan *majāz mursal* tersebut dengan “sebenarnya memakan api masuk perutnya” dan Abdullah Basmeih (2010) pula dengan “sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka”. Kedua-dua mereka menggunakan pendekatan terjemahan secara literal untuk menterjemahkan perkataan (نَارًا) iaitu “api”. Pendekatan literal sebegini membuktikan bahawa kedua-dua penterjemah tidak membuat penyesuaian terhadap mesej teks sumber yang menyebabkan maksud sebenar ungkapan *majāz mursal* tidak dapat disampaikan dengan jelas. Dengan erti kata lain, kedua-dua penterjemah menginterpretasikan makna (النار) setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik bahasa sasaran.

Untuk mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar, penterjemah boleh menterjemahkan *majāz mursal* dalam bahasa sumber kepada metafora atau perumpamaan dalam bahasa sasaran dengan menambahkan perkataan “seolah-olah” seperti berikut:

“Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, seolah-olahnya mereka itu menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala”.

4.5 Surah Ghāfir (40), Ayat 41

﴿وَيَقَوْمٍ مَا لِي أَدْعُوكُمْ إِلَى النَّجْوَىٰ وَتَدْعُونِي إِلَى النَّارِ﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Dan wahai kaumku, mengapa aku menyeru kamu kepada kebebasan dan kamu menyeru aku ke neraka.

Terjemahan Abdullah Basmeih:

"Dan wahai kaumku! Apa halnya aku dengan kamu? Aku mengajak kamu kepada keselamatan, dan kamu pula mengajakku ke neraka?

Perkataan (النار) dalam ungkapan (وتدعونني إلى النار) mempunyai fenomena yang sama seperti contoh 1, 2, 3 dan 4 sebelum ini yang merupakan *majāz mursal* daripada hubungan *musabbab*, iaitu menyebut akibat (النار) sedangkan yang dimaksudkan adalah punca yang boleh membawa ke neraka. Hal ini sedemikian kerana perbuatan menyekutukan Allah SWT dan menyembah berhala boleh menyebabkan mereka terhurban ke neraka (al-Zuhailī, 2009/12: 446).

Dapat diperhatikan bahawa Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih menggunakan pendekatan terjemahan secara literal untuk menterjemahkan perkataan (النار) iaitu “neraka”. Mahmud Yunus (2008) menterjemahkan *majāz mursal* tersebut dengan “kamu menyeru aku ke neraka” dan Abdullah Basmeih (2010) pula dengan “kamu pula mengajakku ke neraka”. Kedua-dua penterjemah menginterpretasikan makna perkataan tersebut dengan mengekalkan bentuk teks sumber tanpa membuat penyesuaian mesej teks sumber yang membawa maksud sebab yang boleh membawa ke neraka. Penterjemahan secara literal ini telah menyebabkan berlaku kehilangan makna sebenar ungkapan *majāz mursal* dan tidak mungkin difahami oleh pembaca sasaran.

Untuk mencapai kesepadanan makna sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar penterjemah boleh mengaplikasikan strategi eksplisitasi melalui maklumat tambahan dengan bentuk kurungan seperti berikut:

"Dan wahai kaumku! Apa halnya aku dengan kamu? Aku mengajak kamu kepada keselamatan, dan kamu pula mengajakku (kepada sebab-sebab yang boleh membawa) ke neraka?"

4.6 Surah al-‘Arāf (7), Ayat 26

يَبْنَیْ ءَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَرِّیْ سَوَءَآتِكُمْ وَرِیْشًا وَلِبَاسُ التَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَیْرٌ ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَاتِ اللّٰهِ لَعَلَّهُمْ يَدَّكُرُوْنَ ﴿٢٦﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Wahai anak Adam; sesungguhnya telah Kami turunkan pakaian kepadamu untuk menutupi auratmu, begitu juga pakaian perhiasan. Tetapi pakaian takwa yang terbaik...

Terjemahan Abdullah Basmeih:

Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup ‘aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya...

Ayat (قد أنزلنا عليكم لباسا) jika diterjemahkan secara literal ke bahasa Melayu bermaksud “sesungguhnya Kami telah turunkan kepada kamu pakaian”. Persoalannya di sini adakah Allah SWT menurunkan kepada kita pakaian secara total atau menjadikan bahan-bahan semulajadi untuk dijadikan pakaian? Al-Zarkashī (2001: 2:276) dan al-Suyūfī (2003:3:113) menyatakan bahawa perkataan (لباسا) dalam ungkapan tersebut merupakan

majaz mursal dari hubungan *musabab* iaitu menyebut kesan (لباسا), sedangkan yang dimaksudkan adalah sebab yang telah menghasilkan pakaian tersebut. Hal ini berlaku sedemikian kerana adalah mustahil akal boleh menerima bahawa Allah SWT akan menurunkan pakaian secara hakiki. Maksud sebenar *majāz mursal* ini adalah air hujan yang turun dari langit serta boleh menyebabkan timbulnya punca rezeki. Tanpa air hujan tersebut adalah mustahil akan tumbuhnya tanaman-tanaman yang boleh mengeluarkan pintalan-pintalan kapas yang boleh ditunen menjadi pakaian.

Dua teks terjemahan ini mengguna pakai pendekatan terjemahan yang berbeza. Mahmud Yunus (2008) menterjemahkan ungkapan *majāz mursal* tersebut dengan pendekatan terjemahan secara literal iaitu dengan “sesungguhnya telah Kami turunkan pakaian kepadamu”. Perkataan (لباسا) diterjemahkan kepada “pakaian”

kerana Mahmud Yunus menginterpretasikan makna (لباسا) setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik bahasa sasaran tanpa membuat penyesuaian mesej teks sumber yang membawa maksud punca yang telah menghasilkan pakaian tersebut. Penterjemahan secara literal telah menyebabkan maksud sebenar ungkapan *majāz mursal* tidak dapat disampaikan dengan jelas.

Manakala Abdullah Basmeih (2010) pula tidak menggunakan kaedah secara literal semata-mata, bahkan diikuti dengan strategi eksplisitasi menggunakan maklumat tambahan dalam bentuk kurungan iaitu dengan “Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian”. Penulis berpandangan bahawa pendekatan sebegini lebih jelas berbanding terjemahan Mahmud Yunus kerana Abdullah Basmeih menzahirkan makna *majāz mursal* yang tersirat iaitu “bahan-bahan untuk pakaian”.

4.7 Surah Ghāfir (40), Ayat 13

هُوَ الَّذِي يُرِيكُمْ آيَاتِهِ وَيُنزِلُ لَكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ رِزْقًا وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَن يُنِيبُ ﴿١٣﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Dia yang memperlihatkan beberapa keteranganNya kepadamu dan menurunkan rezeki (hujan) dari langit untukmu. Dan tiadalah yang menerima peringatan, melain orang yang kembali (taubat).

Terjemahan Abdullah Basmeih:

Dialah Tuhan yang memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda keesaanNya dan kekuasaanNya (untuk kehidupan rohani kamu), dan yang menurunkan (untuk jasmani kamu) sebab-sebab rezeki dari langit. Dan tiadalah yang ingat serta mengambil pelajaran (dari yang demikian) melainkan orang yang sentiasa bertumpu (kepada Allah).

Perkataan (رزقا) yang terdapat dalam ungkapan (وينزل لكم من السماء رزقا) merupakan *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab*, iaitu menyebut akibat (رزقا) sedangkan yang dimaksudkan ialah air hujan yang menjadi punca kepada adanya rezeki (al-Zamakhsharī, 1995/4: 151; al-Suyūṭī, 2003/3: 113). Mustahil akal boleh menerima bahawa Allah SWT akan menurunkan rezeki dari langit secara hakiki. Apa yang dimaksudkan dalam ayat ini sebenarnya adalah air hujan yang turun dari langit yang boleh menyebabkan timbulnya punca rezeki.

Kedua-dua teks terjemahan Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih tidak menggunakan kaedah secara literal semata-mata, bahkan menggunakan strategi eksplisitasi dengan bentuk yang berbeza. Mahmud Yunus (2008) menggunakan maklumat tambahan dengan bentuk kurungan iaitu “dan menurunkan rezeki (hujan) dari langit untukmu”. Manakala, Abdullah Basmeih (2010) menggunakan kaedah pengkhususan iaitu “dan yang menurunkan (untuk jasmani kamu) sebab-sebab rezeki dari langit”. Kedua-dua teks terjemahan tersebut dapat menjelaskan maksud yang dikehendaki daripada perkataan (رزقا) kerana menzahirkan makna *majāzī* iaitu hujan atau sebab-sebab rezeki dari langit. Penulis berpandangan bahawa pendekatan sebegini lebih jelas berbanding terjemahan secara literal semata-mata kerana dapat menzahirkan makna *majāz mursal* yang tersirat iaitu air hujan yang turun dari langit yang boleh menyebabkan timbulnya punca rezeki.

4.8 Surah al-Nahl (16), Ayat 98

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Apabila kamu membaca Al-Quran, hendaklah berlindung kepada Allah dari syaitan yang direjam (terkutuk).

Terjemahan Abdullah Basmeih:

Oleh itu, apabila engkau membaca Al-Qur'an, maka hendaklah engkau (terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah darihasutan Syaitan yang kena rejam.

Ungkapan (فإذا قرأت القرآن) merupakan *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab*, iaitu menyebut pembacaan al-Quran (قراءة القرآن), sedangkan yang dimaksudkan adalah punca yang boleh membawa kepada membaca al-Quran iaitu kehendak atau keinginan untuk membaca al-Quran (إرادة قراءة القرآن) (al-

Zamakhsharī, 1995/2: 633; al-Zuhailī, 2009/7: 551). Ini adalah kerana mustahil al-Quran dapat dibaca tanpa diiringi terlebih dahulu dengan keinginan atau kehendak untuk melakukannya.

Walau bagaimanapun, dapat diperhatikan bahawa kedua-dua teks terjemahan menggunakan pendekatan terjemahan secara literal iaitu “Apabila kamu membaca Al-Quran,” bagi Mahmud Yunus (2008), dan “Oleh itu, apabila engkau membaca Al-Quran,” bagi Abdullah Basmeih (2010). Penterjemahan secara literal sebegini memang kelihatan tidak menzahirkan makna *majāz mursal* yang mempunyai hubungan musabbab sebagaimana terkandung dalam dasar retorik bahasa Arab, namun penulis berpandangan bahawa kaedah secara literal ini tidak menyebabkan berlakunya gangguan komunikasi antara masyarakat sumber dengan masyarakat sasaran ekoran kelaziman penggunaan gaya bahasa figuratif tersebut dalam sosiobudaya masyarakat sumber dan sasaran.

4.9 Surah al-Māidah (5), Ayat 6

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ ... ﴿٦﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, maka basuhlah mukamu dan kedua belah tanganmu sehingga dua siku

Terjemahan Abdullah Basmeih:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwudu'lah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku,

Ungkapan (إذا قمتم إلى الصلاة) merupakan *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab*. Ayat tersebut menyebut kesan iaitu mendirikan solat (إقامة الصلاة), sedangkan yang dimaksudkan adalah sebab atau punca yang boleh membawa kepada mendirikan solat iaitu kehendak atau keinginan untuk mendirikan solat (إرادة إقامة الصلاة) (al-Zamakhsharī, 1995). Hal ini sedemikian kerana mustahil solat dapat didirikan tanpa diiringi terlebih dahulu dengan keinginan atau kehendak untuk melakukannya.

Dapat diperhatikan bahawa kedua-dua teks terjemahan mengaplikasikan strategi eksplisitasi melalui penggunaan kaedah pengkhususan iaitu “apabila kamu hendak mendirikan sembahyang” bagi Mahmud Yunus (2008), dan “apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang” bagi Abdullah Basmeih (2010). Penterjemahan sebegini pada pandangan penulis sebenarnya lebih jelas kerana kedua-dua teks terjemahan cuba menzahirkan makna *majāz mursal* yang mempunyai hubungan musabbab sebagaimana terkandung dalam dasar retorik bahasa Arab.

5. Kesimpulan

Pemilihan pendekatan penterjemahan ialah satu perkara yang utama dalam proses penterjemahan. Kepelbagaian teks memerlukan penterjemah menggunakan pendekatan yang bersesuaian bagi menghadirkan hasil penterjemahan yang baik. *Majāz mursal*, sebagai satu gaya bahasa al-Quran, memerlukan penelitian yang mendalam sepanjang proses penterjemahan bagi menghasilkan impak makna yang baik dan bertepatan dengan kehendak teks sumber.

Analisis mendapati keseluruhan contoh yang diterjemahkan dengan pendekatan penterjemahan literal menyebabkan sudut semantik *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab* sebagaimana terkandung dalam dasar retorik bahasa Arab tidak diserlahkan. Analisis juga mendapati terjemahan dari kedua-dua penterjemah untuk ayat 174 dan ayat 221 surah *al-Baqarah*, ayat 10 surah *al-Nisā'* dan ayat 41 surah *Ghāfir* tidak sepadan dengan maksud sebenar *majāz mursal* sebagaimana yang ditafsirkan oleh para mufassirin kerana terjemahan literal hanya melihat kepada peringkat semantik perkataan atau ayat yang terasing daripada faktor konteks penggunaan. Hal ini bukan sahaja menyebabkan kekaburan makna malah menyebabkan pemahaman pembaca sasaran terhadap maksud sebenar *majāz mursal* tidak dapat dicapai ekoran adanya gangguan

komunikasi. Jika berlaku gangguan komunikasi, maka *majāz mursal* tersebut seharusnya diterjemahkan dengan kaedah atau strategi terjemahan lain seperti eksplisitasi dan perumpamaan supaya dapat menggambarkan mesej yang hendak disampaikan oleh teks al-Quran.

Walau bagaimanapun, terjemahan kedua-dua penterjemah untuk ayat 98 surah *al-Nahl* secara literal tidak mengalami masalah semantik ekoran kelaziman penggunaan gaya bahasa figuratif tersebut dalam sosiobudaya masyarakat sumber dan sasaran. Ini menunjukkan bahawa adakalanya *majāz mursal* boleh diterjemahkan secara literal jika sekiranya tiada kekeliruan pada maksud asal mesej al-Quran. Ironinya, terjemahan ayat al-Quran yang mengandungi *majāz mursal* ke dalam bahasa Melayu menjadi cabaran kepada para penterjemah.

Perbandingan antara kedua-dua korpus kajian menunjukkan Abdullah Basmeih selain menggunakan penterjemahan literal turut menggunakan pendekatan eksplisitasi pada beberapa penterjemahan *majāz mursal* samada dengan teknik tanda kurungan atau pengkhususan. Penggunaan ini terdapat pada penterjemahan ayat 41 surah *al-Qaṣaṣ*, ayat 26 surah *al-A'rāf*, ayat 17 surah *Ghāfir* dan ayat 6 surah *al-Mā'idah*. Manakala, Mahmud Yunus turut menggunakan pendekatan ini tetapi hanya pada satu ayat sahaja iaitu ayat 17 surah *Ghāfir*. Pendekatan ini menjadikan semantik *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab* sedikit terserlah dan dapat difahami dengan lebih baik selaras dengan huraian para pentafsir al-Quran.

Rujukan

- Abd Rauf, H. A. (2004). Sejarah dan asal-usul bahasa Arab: Satu kajian linguistik sejarawi. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 12(2): 135-141. Retrieved from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/3473/>.
- Abdullah, N. (2015(a)). *Tarjama al-Dalālāt al-Majāziyya al-Qur'āniyya: Dirāsa Taḥlīliyya li Asālib al-Tarjama fī al-Tarājum al-Malāyuwiyya al-Farḍiyya*. (Disertasi Doktor Falsafah, tidak diterbitkan). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abdullah, N. (2015(b)). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: tinjauan terhadap kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*. 8(3): 35-54. Retrieved from <http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/wp-content/uploads/2015/12/02.pdf>.
- Abdullah, N. (2019). Ḍaya' al-Dalālāt al-Majāziyyah fī Tarjamah Uslub al-Majāz al-Mursal al-Wārid fī al-Qur'ān al-Karīm: Dirāsat fī Ba'd al-Nusūs al-Mutarjamah ilā al-Lughah al-Malāyuwiyyah. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, 10(2), 44-64.
- Abdullah, N., Abd Rahman, L., & Usman, A.H. (2019). Terjemahan ayat mutashabihat: analisis fungsi prosedur eksplisitasi. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 154-170. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/63>.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2020). Eksplisitasi dalam terjemahan Majāz Mursal Al-Quran. Dlm. G. Zainuddin, M. Imran Ahmad, M. Mat Daud, A. R. Ghazali dan H. Katim @ Iksan (Pnyt.). *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.
- Ainon, M. & Abdullah, H. (2008). *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- al-Khafājī, I. S. (2010). *Sirru al-Faṣāḥah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Khūli, M. A. (1991). *Mu'jam 'Ilm al-Lughah al-Nazarī Injilīzī- 'Arabī*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- al-Qazwīnī, M. A. (t.th.). *al-Idāḥ fī 'Ulūm al-Balāghah*. Beirut: Muasasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- al-Rumī, F. A. (2000). *Khaṣāiṣ al-Qur'ān al-Karīm*. Riyadh, KSA: Maktabah al-Taubah.
- al-Suyūṭī, J. A. (1986). *al-Muzhir fī 'Ulūm al-Lughah wa Anwā'ihā*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- al-Suyūṭī, J. A. (2003). *Al-Itqān fī 'Uūm al-Qur'ān*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- al-Ṭabarī, A. J. (2005). *Jami' al-Bayān 'an Ta'wil Āyi al-Qur'ān*. Kaherah, Mesir: Dar al-Salam.
- al-Zamakhsharī, M. (1995). *Al-Kashshāf*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Zarkashī, B. M. A. (2001). *Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Amirah, A. & Rozaimah, R. (2011). Terjemahan 'Air' dalam peribahasa Melayu-Inggeris: analisis semantik kognitif. *Jurnal Linguistik*, 13(6), 1-12.
- Anīs, I. (1991). *Dalālat al-Alfāz*. Mesir: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah.
- Anon. (2015a.). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (2015b.). *Kamus Kesusasteraan*. M. S. Yaafar et al. (Eds.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakri, S. A. (2001). *al-Balāghah al-'Arabiyya fī thawbihā al-jadīd*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Basmeih, A. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Catford, J. C. (1965). *A linguistic theory of translation*. London, UK: Oxford University Press.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

- Che Radiah, M. (2001). Bahasa arab dan ciri-ciri keistimewaannya. Dlm. *Monograf Bahasa Arab*. Bil. 1 Mei 2010. Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Cho, M. & Puteri Roslina, A. (2016). Penterjemahan budaya bukan kebendaan dalam teks terjemahan bahasa Korea-bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2): 160-175.
- Griffiths, P. (2007). *An introduction to English semantics and pragmatics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Haidar, F. 'I. (1999). *'Ilm al-Dalālat: Dirāsa Nazariyya wa Taṭbīqiyya*. Kaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah.
- House, J. (2013). *Penterjemahan*. H. Haroon (Terj.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.
- Ibn 'Āshūr, M. (t.th.). *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dar Sahnun.
- Ibnu Jinnī, A. F. (2001). *Al-Khaṣā'is*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibrāhīm, M. I. M. (2004). *Buḥūth wa Dirāsāt fī 'Ilm al-Lughah (al-Ṣarf-al-Ma'ājim-al-Dalālat)*. Kaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah.
- Kearns, K. (2000). *Semantics*. London, UK: MacMillan Press.
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. New York, NY: University Press of America.
- Larson, Mildred. (1989). *Penerjemahan berdasarkan makna: pedoman untuk pepadanan antarbahasa*. K. Tanirah (Terj.). Jakarta: Arcan.
- Long, A. S. (2016). *Metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lūshān, N. H. (2007). *Mabāhiṭh fī 'Ilm al-Lughah wa Manāhiḥ al-Baḥth al-Lughawī*. Iskandariah, Mesir: Maktabah al-Jami' al-Hadith.
- Muhammad Luqman, I. H. M. S., Muhammad Zaidi, Z., Mohd Sollah, M. & Nabihah, Y. (2015). Struktur dan konteks kolokasi frasa al-idāfāt dalam al-Quran: satu pemerhatian semantik. *Journal of Education and Social Sciences*. Vol. 1 (June). 137-149. Retrieved from https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2015/07/J_LAN_24_FINAL-EDIT-Struktur-dan-Konteks-Kolokasi-Frasa-al-Idhafah-dalam-al-Quran-Satu-Pemerhatian-Semantik.pdf.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to translation*. Oxford, UK: Pergamon Press Ltd.
- Newmark, P. (1988). *Approaches to translation*. United Kingdom, UK: Prentice Hall International.
- Nida, E. A. & Taber, C. R. (1982). *The theory and practice of translation*. Leiden: E. J. Brill.
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating: with special reference to principles and Procedures involved in bible translating*. Leiden: E. J. Brill.
- Nida, E. A. (1975). *Componential analysis of meaning*. Netherlands: Mouton Publishers.
- Nik Safiah, K., Farid, M. O., Hashim, Musa. & Abdul Hamid, M. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsimah, M. A. (2014). Semantik. Dlm. *Pengenalan linguistik teoretis dan aplikasi*. M. F. Jaafar (Pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Silzer, P. J. (1990). Penerjemahan sebagai suatu kegiatan lintas budaya. *Jurnal Penterjemah*. November 1990. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Syed Arabi, I. (2002). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 'Umar, A. M. (1998). *'Ilm al-Dalāla*. Kaherah: Alam al-Kutub.
- Vinay, J. P. & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistics of French and English*. J. C. Sager & M. J. Hamel (Trans.). Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Wahbah, Z. (2009). *Tafsīr al-Munīr*. Damsyik, Syria: Dar al-Fikr.
- Yāqut, A. S. (2010). *Fī 'Ilm al-Lughah al-Taḳābulī: Dirāsa Taṭbīqiyya*. Iskandariyah, Mesir: Dar al-Ma'rifah al-Jami'iyyah.
- Yunus, M., (2008). *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Klang Book Centre.